

11 OCT 2001

AP AKUI SALAH TAFSIR UCAPAN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Agensi berita, Associated Press, hari ini mengaku ia telah memberikan tafsiran salah kepada satu ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung serangan Amerika Syarikat terhadap Afghanistan.

"Apabila (Dr) Mahathir berkata beliau akan menyokong jika mereka menyerang Israel sebagai dalang keganasan terhadap rakyat Palestin, beliau merujuk kepada penganas yang menyerang Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas, bukannya kepada tentera Amerika dan Britain," demikian menurut satu laporan AP On-line.

Berita salah itu yang ditulis pada 8 Okt lepas oleh wartawan AP Sean Yoong menyebabkan Pejabat Perdana Menteri mendesak agensi berita dari Amerika itu membuat pembetulan dan memohon maaf kepada Dr Mahathir kerana laporan yang dianggapnya "tidak betul dan bermaksud jahat".

Bagaimanapun, kenyataan satu perangan oleh AP hari ini, tidak menyebut tentang mohon maaf kepada Perdana Menteri.

-- BERNAMA  
MAM AHH AAM